



Dr.M dengar
pesanan
sebelum
ke India

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Tenang sahaja nampaknya Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendengar sesuatu yang dinyatakan oleh Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, di lapangan terbang Antarabangsa Subang, sebelum beliau berlepas untuk lawatan rasmi 4 hari ke India pagi semalam.

Semasa di India, Timbalan Perdana Menteri akan berunding dengan Perdana Menteri India, Puan Indra Gandhi dan lain-lain pemimpin negara itu mengenai isu-isu kepentingan bersama, masalah serantau dan antarabangsa. — Gambar Berita Harian.